

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN ZARINA NAWAWI
TOKOH NGI CAKNA

OLEH:

INTAN NABILLA ABDULLAH 2018222506
WAFARAZANAH ABDULLAH 2018652916

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2020 – JANUARI 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, pertama sekali kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah membantu kami sepanjang kursus ini. Semasa kerja projek, kami berterima kasih atas sokongan mereka, kritikan membina dan nasihat yang sangat berguna untuk membakar semangat kami supaya dapat menyiapkan tugas ini. Kami sangat berterima kasih kepada mereka kerana telah berkongsi pemikiran mereka dan menerangkan mengenai pelbagai isu berkaitan proses menemubual tokoh ini.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tulus kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan) iaitu Puan Nurulanissa Binti Abdullah atas nasihat dan bimbingannya yang sangat berharga sepanjang penyusunan transkripsi ini.

Sebagai tambahan, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Zarina binti Nawawi selaku tokoh yang kumpulan kami pilih untuk tugas ini kerana dapat memberi Kerjasama yang sangat baik dalam sesi temubual untuk tugas ini.

Tidak lupa juga, terima kasih kepada rakan dan keluarga atas sumbangan mereka dalam menyiapkan laporan ini dan membantu kami. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan kajian ini kerana memberi kami maklumat dan idea yang berharga. Banyak individu telah memberikan komen berharga mengenai cadangan ini, terutama rakan sekelas dan ahli pasukan kami sendiri, yang memberi kami dorongan yang sangat bagus untuk tugas ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada semua individu atas bantuan langsung dan tidak langsung mereka dalam menyelesaikan tugas kami

Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Temu ramah ini dilakukan dengan seorang tokoh kebajikan cakna NGI, Puan Zarina Mohd Nawawi yang telah memberikan banyak masa dan tenaga untuk menubuhkan Dapur Ramadan untuk membantu masyarakat yang memerlukan. Untuk mengetahui lebih banyak mengenai sumbangannya kepada masyarakat, wawancara ini dilakukan melalui panggilan telefon kerana wabak yang berlaku di Malaysia yang menasihati kita untuk menjaga pemeliharaan sosial. Puan Zarina Mohd Nawawi yang berasal dari Bukit Gading, Tanah Merah Kelantan aktif menggerakkan beberapa inisiatif kebajikan melalui Dapur Ramadhannya. Antaranya ialah pembuatan produk ketupat palas sejuk beku yang dihasilkan oleh 10 orang pekerja yang dipilih dari kalangan asnaf. Dengan konsep "free to take", dia menjadikan kabin Asnaf sebagai tempat simpanan barang-barang keperluan yang terdiri daripada makanan, keperluan dapur, dll. Yang disumbangkan oleh individu dan NGO. Usaha ini membolehkan asnaf fakir dan miskin dibantu secara tidak langsung. Hasil penjualan ketupat dan sumbangan dari rakan Facebook akan digunakan untuk membayar upah pekerja dan menyediakan 400 bungkus beras untuk diedarkan kepada anak-anak asnaf di 8 sekolah pada hari persekolahan di bawah program "Jamu Makan Pelajar Asnaf". Puan Zarina telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Kebajikan Cakna (NGI Cakna Kategori) sempena Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020. Ketabahannya dalam membesarkan 2 orang anak lelaki sebagai ibu tunggal juga dikagumi dan menambah minat kami untuk bertemu Puan Zarina. Pelbagai ujian dan cabaran yang dihadapi oleh Puan Zarina dalam membesarkan 2 orang puteranya dan pada masa yang sama telah menubuhkan Dapur Ramadan untuk membantu masyarakat yang memerlukan dapat menjadi inspirasi kepada semua orang.

Kata Kunci: Aktiviti kebajikan. Tokoh, Hadis, Golongan Asnaf, Dapur Ramadhan

Abstract

This interview was conducted with a NGI cakna welfare figure, Mrs. Zarina Mohd Nawawi who has contributed a lot of time and energy to establish the Dapur Ramadan to help the needy community. To find out more about his contribution to society, this interview was conducted through phone call due to the pandemic going on in Malaysia which advised us to take care of social imprisonment. Puan Zarina Mohd Nawawi who hails from Bukit Gading, Tanah Merah Kelantan is active in mobilizing several welfare initiatives through her Dapur Ramadhan. Among them is the manufacture of frozen ketupat palas frozen products produced by 10 workers selected from among asnaf. With the concept of "free to take", he created the Asnaf cabin as a storage place for essential items consisting of food, kitchen necessities, etc. donated by individuals and NGOs. This effort allows the poor and needy asnaf to be helped indirectly. Proceeds from the sale of ketupat and donations from Facebook friends will be used to pay workers' wages and provide 400 packets of rice to be distributed to asnaf children in 8 schools on school days under the "Jamu Makan Pelajar Asnaf" program. Mrs. Zarina has been selected as the recipient of the Cakna Welfare Figure Award (NGI Cakna Category) in conjunction with the Kelantan State Welfare Day 2020. Her perseverance in raising 2 sons as a single mother was also admired and added to our interest in meeting Mrs. Zarina. Various tests and challenges that have been faced by Mrs. Zarina in raising her 2 sons and at the same time has set up a Ramadan Kitchen to help the needy community can be an inspiration to everyone.

Keywords: Charitable activities. Figures, Hadith, Asnaf Group, Dapur Ramadhan

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	I
Abstrak	II-IV
Biodata tokoh	VI-VIII
Pengenalan	IX-X
Transkrip	1
Pengenalan	2
Bahagian 1: Latar belakang tokoh	3-4
Bahagian 2: Pendidikan	5-6
Bahagian 3: pekerjaan awal	7-8
Bahagian 4: Perimhkat permulaan dalam bidang kebajikan	9-12
Bahagian 5: Dorongan untuk melakukan aktiviti kebajikan	13-15
Bahagian 6: Latar belakang Dapur Ramadhan oleh Puan Zarina	15-25
Bahagian 7: Proses pengumpulan dana	27-30
Bahagian 8: Pengalaman ketika menjalankan aktiviti kebajikan	31-34
Bahagian 9: Anugerah	35
Bahagian 10: Cabaran dalam melaksanakan aktiviti kebajikan	36-38
Bahagian 11: Kesimpulan soalan	38-40
Lampiran	
Gambar	41-43
Log wawancara	45-62
Diari kajian	63-66
Senarai soalan	67-76
Surat perjanjian	77-78
Indeks	79-81

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : ZARINABINTINAWAWI
Umur : 48 TAHUN
Tempat Tinggal : Tanah Merah, Kelantan
Tempat Lahir : Merah, Kelantan
Pekerjaan : Aktivistik Kebajikan
Sekolah Rendah : Pasir Mas (UPSR)
Sekolah Menengah : Kota Bharu (SPM)
Pengajian tinggi : / UiTM (Universiti Teknologi Mara) Seremban
Bilangan Adik-Beradik : 7
Anak yang ke- : Ibu Tunggal
Status : 2 orang
Bilangan Anak : Zarina
Nama Panggilan :

PENGENALAN

PENGENALAN

Puan Zarina merupakan seorang ibu tunggal kepada 2 orang anak. Meskipun beliau ibu tunggal, beliau tidak pernah menjadikan statusnya menjadi halangan untuk mengadakan aktiviti kebajikan di tempat kelahirannya iaitu Bukit Gading, Tanah merah Kelantan. Temubual ini dijalankan selama hampir 2 jam secara atas talian melalui panggilan telefon. Beliau yang merupakan “Tokoh Ngi Cakna” telah mendapat gelaran ini kerana beliau sangat aktif dalam menjalankan aktiviti kebajikan untuk membantu orang yang kurang berkemampuan. Beliau mempunyai satu organisasi yang dinamakan Dapur Ramadhan yang bertujuan untuk membantu golongan asnaf yang memerlukan. Kumpulan kami mendapat maklumat mengenai beliau melalui laman sesawang Google dan juga media sosial milik beliau iaitu Facebook. Kami juga menghubungi beliau melalui panggilan telefon untuk menyatakan tujuan kami bahawa kami telah memilih untuk ditemu bual. Kami membuat panggilan telefon bersama beliau bagi menetapkan tarikh dan masa yang beliau akan ditemu bual. Kami menggunakan kaedah panggilan telefon untuk menemu bual Puan Zarina disebabkan oleh kekangan yang berlaku pada masa ini dan keadaan liputan internet di daerah beliau yang terhad. Sepanjang proses temu bual selama 1 jam 40 minit kami rekodkan sebagai bukti kajian. Soalan yang diberikan kepada tokoh adalah berkaitan aktiviti kebajikan yang dilakukan oleh beliau. Antara aktiviti kebajikan yang pernah dilakukan oleh beliau ialah mengedarkan makanan atau barang sederhana kepada asnaf-asnaf yang terpilih melalui program Dapur Ramadhan selain memberi makanan untuk juadah berbuka kepada mok pondok setiap hari isnin dan khamis. Disamping itu juga, beliau menyediakan pakej barangan dapur yang berharga RM50 yang di dalamnya terdapat barangan keperluan asas seperti beras, biskut, minyak, maggi, tepung dan sebagainya untuk diagihkan kepada golongan asnaf mahupun golongan yang memerlukan. Pakej tersebut akan di bungkus di dalam beg biru IKEA oleh team Dapur Ramadhan sebelum diagihkan kepada asnaf yang terpilih.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisar tentang latar belakang dan pengalaman aktiviti kebajikan yang dilakukan oleh Puan Zarina Binti Nawawi yang merupakan pemilik Dapur Ramadhan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 22 dan 23 Disember 2020 (2 sesi) bersamaan dengan hari Selasa dan Rabu pada pukul 9.30 malam menerusi sesi panggilan telefon. Temubual ini diekendalikan oleh Wafa Razanah Binti Abdullah. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk

PZ: Puan Zarina

WR: Wafa Razanah

PENGENALAN

WR : Assalamualaikum, ni puan Zarina ke?

PZ : Ye ye

WR : **Saya wafa razanah daru uitm (universiti teknologi mara) machang, yang nak *interview* (temubual) puan haritu saya nak tanya, puan dah bersedia ke untuk sesi temubual kita harini?**

PZ : Ok, boleh jelah (sahaja) tapi ada hantar apa benda (dokumen melalui aplikasi whatsapp) tu memang tak sempat baca tak tengok pun. Tapi takpe je kan? Boleh je kan? Tanya tanya boleh jawab simple simple (ringkas)

WR : **Saya nak *inform* (maklumkan) yang temubual kita ni di rakam ya bagi tujuan pembelajaran.**

PZ : Tujuan pembelajaran?

WR : **Haah untuk assignment (tugasan)**

PZ : Aaahhaaa (puan bersetuju) line (liputan capaian internet) sini kan kampung kan ada takde (tiada) macam tu la. Dia tak berapa ni sikit.

WR : **Haa, ok. Terima kasih ya puan sebab sanggup luangkan masa untuk ditemubual bersama saya**

PZ : Okey. Sama-sama.

1.0 LATAR BELAKANG TOKOH

- WR** : Sebagai permulaan boleh ke puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang puan? Contohnya nama penuh puan, tempat lahir, tempat tinggal, negeri kelahiran.
- PZ** : Nama Zarina Mohd Nawawi jap jap hello boleh ke?
tinggal di Kampung Bukit Gading Tanah Merah, umur 48 tahun.
- WR** : **Berapakah bilangan adik-beradik puan?**
- PZ** : Adik beradik 8...yang ke 7.
- WR** : **Apakah nama gelaran puan yang sering digunakan keluarga atau sahabat puan?**
- PZ** : family nama je lah nama...nama je.... family panggil nama jelah panggil Na jelah family kawan pun sama kalau dekat dekat sini bahasakan Kak na jelah
- WR** : **Berapa bilangan anak puan?**
- PZ** : 2 orang. Dua dua lelaki. 20 tahun dan 21 tahun
- WR** : **Bagaimana pula dengan anak puan, adakah mereka juga turut terlibat dengan aktiviti kebajikan bersama puan?**
- PZ** : haaaa terlibat memang dua orang nilah (ini lah) yang memang bantulah. *everytime* (setiap kali) dia ada kat rumah.... dia masih belajar jugak sorang (seorang) diploma TESL sorang *degree accounting* (ijazah perakaunan).
PKP nikan semua ada kat rumah...jadi buat masa dia ada kat rumah ni memang dialah *supporters* (penyokong) lah
- WR** : **Adakah mereka dengan rela hati membantu puan atau puan meminta bantuan mereka untuk sama-sama mengagihkan sumbangan?**

PZ : dia dia dulu.... Sebab masa kan dah buat charity ni dalam 10 tahun. 10 tahun lepas diarong masih sekolah rendahkan ajak... ajaklah dia memang selalu.... selalu suruh ikut kalau charity (kebajikan) banyak buat hujung minggukan masa weekend (hujung minggu) so dia tak sekolah, Suruh dia ikut...lama-lama dia memang suka ikut.

WR : Bagaimana mereka membahagikan masa antara belajar dan aktiviti kebajikan?

PZ : errmmm bukan cuti je.... bila belajar sebabkan yang dua orang ni dekat KL (Kuala Lumpur) jadi bila belajar tu dua dua orang ni takde lah bila balik cuti jelah hmmm balik balik cuti jelah tolong sepenuh masa lah

2.0 PENDIDIKAN

WR : Pendidikan semasa kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi.

PZ : oookkk boleh... sekolah rendah dekat pasir mas pastu bila habis masa zaman masa zaman nak bahasakan apa...maccik la kan...
masa zaman maccik dulu...hmmm...apa ni...Takde UPSR (ujian penilaian sekolah rendah) kan dia dengan penilaian darjah 5 tu jadi hmmm bila masuk *form* (tingkatan)1 tu dapat lah asrama... dapat pergi ke bandar lah kan Kota Bharu hmmm Sekolah Menengah Zainab, Kota Bharu jadi sampai *form* (tingkatan) 5 SPM (sijil pelajaran Malaysia) kat situ hmmm pastu masuk ITM (institute teknologi MARA). Masatu ITM sekarang UITM.

WR : Semasa pengajian tinggi, puan mengambil bidang pengajian apa?

PZ : *Business study* (pengajian perniagaan) sampai diploma sahaja,

WR : Selain itu ada kursus pengajian lain yang puan ikuti?

PZ : Lepastu family macam adik beradik ramai jadi nak terus kerja la sebab nak duit kan haa jadi habis diploma dah tak sambung belajar tak sambung lah ada diploma sahajalah terus kerja dekat KL.... Terus jelah bekerja tak sambung sambung dah

WR : Semasa puan masih lagi melanjutkan pengajian, adakah puan pernah terfikir yang puan akan terlibat dalam aktiviti kebajikan?

PZ : haa terpikir dah rasa nak buat, macam rasa macam dari kecik lagi dari masa sekolah lagi rasa macam jiwa nak bagi sesuatu apa-apa dekat orang tu rasa macam suka kan bila benda yang kita buat tu kita suka tapi rasanya benda tu fitrah semua orang pon kalua dia tidak terlibat charity kalua dia memeberi rasanya dia sukakan. Rasanya semua orang macam tu lah, tapi kalua kita memberi kita macam lagi suka.

PZ : jadi masa kecik kecik masa belajar kita takde duit kan nak bagi dekat orang kita takde jadi macam kesukaan tu jadi bila kita ada duit lebih lebih bila kita ada duit sendiri bila kita bekerja kita dapat buat kita rasa macam seronok...suka.

PZ : semenjak daripada tu kita suburkan lah lagi kan.... Sebab kita pon tengok macam hadis-hadis cerita pasal sedekah, cerita pasal mengembirakan orang apani cerita pasal memudahkan urusan orang semua ada dalam hadis...cerita yang dahsyat dahsyat dia punya fadhilatkan.... itulah yang menguatkan tu...rasa macam nak buat, nak buat dan nak buat lagi.

WR : Setelah tamat pengajian apa perkara pertama yang puan lakukan?

PZ : cari kerja dulu... sebab keluarga susah jadi rasa macam perlu cari kerja lah. Sebenarnya lepas diploma tu kawan-kawan semua sambung ambik degree kan, jadi kita rasa macam nak sambung tapi duit pun nak jugak kan pastu kebetulan mungkin macam rezeki makcik masuk satu company tu dia offerkan dengan gaji tinggigaji degree kan jadi dahl kita rasa macam kita nak duit di offer dengan tawaran baik bulak rasa mavcam ok lah rasa macam inilah tempat aku kot

PZ : belajar duduk sini (KL) nanti nati kot lah ada masa rasa nak sambung belajar. 4 ke 5 tahun lepas tu mungkin piker lain tapi selepas tu memang tak dah. hmm macam tula

3.0 PEKERJAAN AWAL

WR : Boleh kami tahu puan pernah bekerja sebagai apa?

PZ : pekerjaan... habis graduate tu terus bekerja dekat satu company...*company* (syarikat) kosmetik dekat PJ (Putrajaya) company kosmetik satu company tu je makcik kerja. maksudnya tak macam orang lainlah.... lompat lompat kerja untuk dapat gaji tinggi kan masatu macam tu swasta...sebab masatu sebelum recession jadi macam company tahun 90-an tu banyak company swasta tu memang offer gaji tinggi kan jadi masa tu macam orang tak *famous* (terkenal) sangat nak kerja kerajaan ke apa...haaa jadi macam kita *stay* (kekal) jelah bekerja kan sambil bekerja masa tu pun dah ada buat sikit sikit charity.... tapi takde lah sebut kalau orang tanya tu charity ni bermula...maksudnya yang dah giat ni 10 tahun kebelakang lah

WR : Boleh puan ceritakan pengalaman puan bekerja di syarikat lama puan?

PZ : okeyy...pengalaman tu sebab dalam bidang marketing (pemasaran)...mula-mula masuk tu buat marketing untuk produk neuthrimetic marketing ni merangkumi semua lah kan tapi tak lama dekat marketing tu pindah ke inventory planning.... inventory planning ni buat ordering untuk semua produk-produk neuthrimetic masa tu local dengan oversea haa jadi dari inventory planning lah yang paling lama kat situ marketing dalam 3 tahun lepastu masuk inventory planning dalam 7 tahun masa tu.

WR : Apakah jawatan puan semasa bekerja di syarikat tersebut?

PZ : yang paling last masa tu inventory planning... jadi resign masa tu pada tahun 2007 ke 2008 masa tu tak ingat sangat dah

WR : Berapa lama puan bekerja di syarikat tersebut sebelum mengambil keputusan untuk berhenti dan bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan?

PZ : haaa dalam 11 tahun

WR : Apakah penyebab utama puan berkecimpung dalam aktiviti kebajikan?

PZ : (apa yang spark buat tu?) haaa ok yang spark buat tu.... rasanya makcik ada terjumpa satu hadis lah dia bercerita pasal tadi yang makcik cakap tadi bila kita permudahkan urusan orang Allah permudahkan urusan kita bila kita gembirakan orang Allah beri kita gembira kan semua balasan tu macam upside down macam kita rasa...macam masa tu lah kita terfikir...sebab kadang kadang macam serabutkan bila kita bekerja dengan company dekat KL sibuk kita rasa macam serabutlah

PZ : rasa macam ni bukanlah life yang kita nak...kita nak yang tenang kan kita nak yang memberi munafaat lagipun kerja kan dekat kosmetik company...macam makcik rasa kerja tu macam semata mata nak dapat duit gaji je kan...kerja yang macam takde munafaat macam order lipstick order mascara...benda tu macam takde munafaat pun kan pada orang benda benda kosmetik ni *unless* (lainlah kalau) kita bekerja sebagai contohnya cikgu, pergi kerja hari hari ajar orang nak suruh pandai, kalau macam tu kan kerja yang ada munafaat...ataupun kerja sebagai nurse (jururawat) ataupun doctor kan maksudnya kerja yang bagi munafaat kepada orang lain.

PZ : jadi memang daripada dulu macam fikir bekerja tu sekadar nak duit manfaat tu takde...order lipstick order bedak order mascara. Manfaatnya pada siapa? Pada orang yang memang nak cantik cantik lawa lawa yang tak bermanfaat sangat kan haa itulah yang mencetuskan "tak boleh ni nak hidup sampai tua macam ni"

4.0 PERINGKAT PERMULAAN DALAM BIDANG KEBAJIKAN

WR : Sebelum memulakan aktiviti kebajikan, apakah persiapan persiapan penting yang dilakukan oleh puan samaada secara fizikal mahupun mental?

PZ : ok sebab kita bermula charity ni kecik kecik (kecil-kecilan) maksudnya macam apa yang kita ada...apa yang kita mampulepastu barulah macam masa tu start (mula) main facebook, masukkan dalam facebook sikit-sikit, mana-mana kita pergi kita jumpa orang susah kita cerita dalam facebook ada orang susah sampai macam ni macam ni sampai beras dia habis, sampai tiga hari beras habis kan wujud perkara macam tu.

dulu macam makcik dekat KL...sebelas tahun kerja tu kita macam tak terfikir sebenarnya orang di kampung sesusah sesusah nak beli beras, sebab kita kerja dekat KL kan kita macam dapat gaji kita berbelanja kita macam tak fikir sangat hal orang sebab kita sibuk, kita tak nampak kita jauh.... dan selepas tu lah bila maksudnya dah resign kerja, balik kampung...dan masa itulah nampak benda tu macam serius lah.

WR : Pada tahun bila puan menceburkan diri dalam aktiviti kebajikan?

PZ : aktiviti *charity* (kebajikan) ni kalau kira tahun yang aktiflah semenjak lepas resign balik duduk di kampung tahun 2010 lebih kurang sekarang 2020 kan lebih kurang 10 tahun lah.

WR : apakah perbezaan suasana yang dapat puan rasakan semasa bekerja di syarikat dan bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan?

PZ : oooh dia lain...sebab macam, ni, makcik sebab bekerja dekat KL memang tak buat charity tapi hati kita suka...macam yang makcik cakap tu, bagi orang rasa happy(gembira) sebab masa dekat KL ada cleaner dekat office tu ada tea lady kalau ada apa-apa kita bagi kat dia, kita Nampak dia happy bila kita bagi kita rasa macam itulah. Bila makcik *resign* (letak jawatan) balik kampung tu masa mula-mula rasa macam tak yakin nak hidup tanpa duit gaji.

- PZ : balik ke kampung dengan dah tak bekerja dan macam berniaga sendiri sikit-sikit lepastu bila dekat kampung tu macam dah buat charity t uterus rasa macam ohh orang ni susah ada duit simpanan kita sikit sikit kita pun terus jumpa orang susah ni benda ni macam, setiap benda yang berlaku ni Allah dah plan (rancang) untuk kita kan...sebenarnya benda yang nak terjadi tu atas kehemdak kita ...bila berlaku macam tu tuhan pun temukan kita dengan benda benda yang daripada dulu kita suka
- PZ : benda yang daripada dulu kita suka nak buat tapi kita takde peluang...bila dah balik berhenti kerja Nampak orang susah dekat kampung ramai benda tu berlaku dan jumpa macam macam orang macam dah bergelap 3 hari, tade duit nak bayar lektrik semua...jadi semenjak dekat situ lah, kita share dekat facebook ada kawan-kawan lain yang tengok paka-pakat komen macam kesian lepastu topupkan sikit contoh macam duit beras dia ke lektrik dia ke so, (jadi) daripada situ setiap hari jumpa asnaf masukkan dalam facebook lepastu ada ramai orang tolong so dia jadi lebih menarik dan ramai orang tolong.
- WR : Apakah pengalaman yang puan dapat daripada pekerjaan lama puan yang dapat digunakan dalam aktiviti kebajikan?**
- PZ : adalah kan bila kita bekerja maksudnya kebaikannua kan bila kita bekerja kita ada saving tu sikit, kalau kita tak bekerja dulu pun mungkin kita takde duit mungkin Allah tak temukan jadi kita ada saving sikit-sikit kita balik ada saving ni sikit boleh la gunakan tapi benda macam tu berlaku dalam setahun atau dua tahun pertama je, dua tahun pertama tu kita nak bantu orang rasa nak tolong dia banyak banyak kan ada sorang katalah nak 300 bil dia kita nak settle kan semua kita tak mampu jugak kan sebab jumlah dia besar.
- tapi bila dah masuk facebook, dalam tempoh dua tahun tu dah banyak orang pemurah yang kirim duit so since dekat situ kita boleh buat lebih besar lebih banyak jadi maknanya kalau berkaitan dengan kerja lama yang berkaitan dengan charity kebaikan dia itulah...kita ada saving daripada situ kita boleh mula charity kalau kita takde duit susah jugak nak buat benda benda ni.

- WR : Mengapa Puan memilih untuk menubuhkan aktiviti kebajikan di Kampung halaman puan?**
- PZ : sebab Nampak ramai orang susah dan masa resign dan nak balik ke kampung tu macam dah angan-angan kan sebab dekat KL dah buat sikit-sikit macam dah ada tealady apa rasa macam tak ramai sangat orang susah dekat bandar kita rasa macam tak jumpa sangat kan...tapi bila dah resign dan balik kita jumpa dengan orang ramai.
- PZ : ya allah memang ramai.... rasa macam hmm nilah kot tempat dia ...dulu macam mintak dekat tuhan nak suburkan benda ni kan sebab memberi tu buat kita rasa gembira walaupun kota takde.... betul Allah bagi gembira walaupun kita takde duit bila balik kampung dah kita takde gaji berharap dengan meniaga sendiri kan struggle jugak lah untuk macam nak survive kan sebab mak cik *single mother* (ibu tunggal) since balik kampung tu single mother lah jadi nak jaga anak dua orang nak belajar semua kan...jadi semua tu struggle jugak kan tapi mungkin benda tu banyak jadi mudah sebabnya hadis cerita pasal permudahkan urusan orang Allah permudahkan urusan kita...hadis tu cerita macam tu kan so, allah kan tak pernah tipu dengan janji dia so kita buat charity sikit jadi banyak urusan kita dipermudah
- WR : Adakah ahli keluarga puan dan saudara mara puan memberikan galakan yang positif tentang aktiviti kebajikan ini?**
- PZ : aahhh memang... kakak sulung antara yang orang kata macam *supporters* (penyokong) dan dia support dari sudut dia nampak je kat facebook macam ada orang perlu dia yang dulu akan transfer duit haa dia dulu dia macam...walaupun RM2 ribu pun dia antara orang yang kesian kat orang ni kan dia transfer duit walaupun RM2 ribu dia akan transfer dan sttlekan hal orang ni kakak yang sulunglah dengan yang ada jugaklah adik beradik yang lain ada support dari sudut tu
- WR : Apakah penerimaan orang sekeliling contohnya orang Kampung dan jiran tetangga mengenai keputusan puan untuk menubuhkan badan kebajikan?**

- PZ : okey, orang kampung sebenarnya awal-awal dia tak tahu apa kita buat kan dia tak tahu bila tiba-tiba kita balik kampung lepastu kita buat aktiviti-aktiviti macam ni ...kebanyakan orang kampung tak tahu apa benda charity ni.ada jugak lah yang berpandangan negatif dia rasa macam hmmm...kita berpihak kepada parti mana-mana kita bergerak atas parti politik...jadi awal-awal dululah jadi macam orang tertanya-tanya ‘erh dia nia wakil politik apa, ambik dana daripada mana ‘
- PZ : jadi awal-awal dulu memang tohmahan tu macam tulah, orang politiklah, dia macam serabut sikit lah.... tapi lama-lama bila kita dah buat 5 tahun 6 tahun baru dia rasa...’ohhh takde pun side mana-mana takde pon nak ambik calon, takde kepentingan lain pon ‘ takkan jadi tak terbukti lama-lama ok orang kampung terutamanya asnaf lah seronok bila dah macam setiap kali nak raya baju raya anak ada, bila nak sekolah ada kelengkapan sekolah jadi benda ni kebanyakan orang susah memang sukalah...tapi cuama adalah segelintir orang yang dia rasa dia nak jugalah tapi macam ikut kpi kita tak rasa dia terlalu susah macam tula.... dia rasa macam erh ‘asyik-asyik bagi orang ni? bila masa dia, dia tak dapat pun ‘ini timbul dari perasaan dengki ke apa dengan inilah memang dia rasa tak dapat orang lain dapat.
- WR : Adakah orang kampung turut memberikan bantuan kepada aktiviti kebajikan puan, jika ada apa jenis bantuan yang diberikan?**
- PZ : ada...ada...orang kampung yang macam memang nampak kita buat apa-apa ni... dan dia berduit...banyak orang kampung bantu macam makcik ada Dapur Ramadhan(II), tu kedai makan, DR Mart tu Dapur Ramadhan Mart tu kedai runcit pastu Dapur Ramadhan(I) ni tempat yang buat ketupat semua ni kan jadi 3 tempat 3 pusat ni
- PZ : DR1 ni macam kalau ada macam besok lah contohnya ada kenduri, kami buat sembelih kambing ada orang bernazar jadi team DR1 ni yang memasak jadi kalau kita masak tu ada je orang kampung dia kirim beras, ada orang lain dia tauke ikan dekat sini dia selalu kirim ikan setiap hari jumaat suruh agih pada asnaf ada orang yang macam kirim sayur, kirim buah ada je ada orang sekitar sini memang sangat sangat *supportive* (menyokong) la

5.0 DORONGAN UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEBAJIKAN

WR : Apakah yang mendorong puan untuk membantu golongan-golongan asnaf di sini?

PZ : yang mendorong... tu yang kadang kadang kalau dari sudut yang kalau kita sebut ni macam dia kita tu selfish sikit la sebenarnya bila kita tolong asnaf kita tak boleh nak cakap kita tolong dia...kita tak boleh nak cakap kita tolong dia sebenar-benarnya kita tolong diri kita sendiri, dulu masa mula mula maccik buat mula mula dulu tu rasa macam “ohh kita pergi tolong orang tu kan oh lektrik dia dah pon ok kan” sebenar-benarnya sebab dalam hadis cerita tu

PZ : bila kita meleraikan masalah orang Allah selesaikan masalah kita, dan hadis tu cakap masalah kita selesai dunia dan akhirat bila atas dunia kita buat charity (kebajikan) kita rasa macam banyak Allah bantu selesaikan masalah kita sebab kita tolong selesaikan masalah orang kan jadi benda tu sebenarnya macam sampai ke peringkat ni kita rasa macam bukan kita pergi tolong orang tu kan maksudnya bila kita buat charity adalah untuk tolong diri kita sendiri tolong sempurnakan dunia dan akhirat kita sendiri.

WR : Siapakah yang banyak memberi semangat atau dorongan kepada puan dalam menjalankan aktivii kebajikan ini?

PZ : kalau dari semangat dorongan tu. itulah dari sepotong hadis tu lah kemudian dari sepotong hadis yang kita benar-benar yakin sebab dia terbukti pada diri kita kalau orang tanya kan, betul ke kita buat charity ni macam banyak benda tu lebih menyenangkan kita kan kalau orang tu tak pernah buat charity perkara-perkara macam tu kalau kita sebut dia rasa macam kita exxengrate sesuatu perkara kan sebab exxengrat – ing perkara yang kan macam bayang-bayangan kan macam permudahkan urusan orang Allah permudahkan urusan kita gembirakan orang Allah gembirakan kita macam setengah orang benda tu macam tak Nampak terbukti, setengah orang dia Nampak macam samar-samar kan

PZ : tapi bila betul-betul berada dalam charity ia berlaku dengan ajaib sekali, kadang-kadang kita rasa macam ada 10 masalah kita pergi tolong 1 ke 2 asnaf tu macam kita balik-balik “eh macam minggu lepas aku ada masalah ni erh dah settle?”

kadang kadang kita sendiri tak sedar, jadi maksud tu benda tu yang memotivasikan kita macam “ buat lagi buat lagi lah” tapi lama-lama kita rasa macam “eh aku ni pergi tolong orang nak nak untuk balasan sendiri macam ni kan?” rasa macam itulah takut sampai satu tahap kita rasa dah kita pergi tolong orang tu sebab nak apa yang terjadi pada kita kan kita rasa macam tu tapi memang Allah balas macam tu... memang Allah balas dengan superb way sangatlah kalau nak cerita dengan orang orang yang tak faham dia rasa macam cerita dongeng la kandari sudut rezeki ke dari sudut mudah urusan anak-anak mudah urusan kita sendiri dari sudut kehidupan kita rasa lebih tenang.

WR : Boleh saya tahu apakah aktiviti pertama yang puan lakukan untuk aktiviti kebajikan puan ini?

PZ : *first charity* (kebajikan pertama) yang... *first charity* dulu yang masa *start* (permulaan) tu erh...*first charity* buat *first charity* tu masa masa di KL tu, mak cik macam makcik mengajar budak-budak mengaji di PPRT(Program Perumahan Rakyat Termiskin) mengajar mengaji percuma iqra' kan ah itulah masa kita rasa kita takde duit sangat masa tu...masatu dah *resign* (letak jawatan) bekerja tapi masih duduk KL masatu jadi banyak masa, sebelum ni kita bekerja satu hari kita takde memang bekerja jadi bila *resign* kita ada banyak masa.

PZ : masatu panggil anak-anak orang susah yang tak pandai mengaji kita ajar mengaji iqra' jadi dekat situ la masa *first charity* jadi masuklah benda ni post la dekat facebook...ada ceritalah pasal anak dia berapa beradik...8 beradik kecik-kecik semua comel-comel tapi macam mak ayah dia abusive dia macam sampai kecik kecik pon dia dah kena gastrik sebab macam makan semua tu tak cukup mak ayah dia memang macam miskin la.

PZ : ayah tak bekerja ada on off bekerja mak dia menjual nasi lemak di flat jadi dia makan anak-anak dia makan nasi lemak yang tak habis...kalua hari yang dia jual habis anak-anak tak makan jadi anak dia sampai dapat gastrik, bila dia pergi mengaji dekat rumah tu macam dia macam selalu nampak tangan anak-anak sebab tangan anak-anak dia putih putih melepak ni nampak macam selalu kena rotan tangan dia tu nampak bekas rotan. haa jadi tanya-tanya budak tu kan dengan tak

makan lepastu kita ada sorang kawan makcik ni dia bankin duit masatu seribu dia kata hmm apani dia suruh buat makan setiap kali budak tu datang mengaji suruh buat apa-apa kan macam goreng ayam, ke apa ke suruh dia makan makan dulu ha baru macam sebab nak suruh dia kenyanglahh kan. dengan keadaan dia...budak-budak ni dia macam comel-comel pandai-pandai cepat faham bila kita ajar quran semua jadi tu *first charity* (aktiviti kebajikan yang pertama) yang buat, tu pun melalui kawan yang bank in duit buat makanlah baut nasi goreng ke beli *KFC* (Kentucky Fried Chicken restoran) ke apa-apa lah jamu anak-anak dia makan.

PZ : masatu hmm dekat dah masatu anak murid mengaji lebih kurang dalam 20 orang family dia antara 4 orang yang mengaji yang *among them* (diantara mereka) lah 20 orang tu *so* (jadi), bila setiap malam jumaat tu buat makan-makan ramai-ramailah mak mak budak-budak tu pergi masak jamu makan malam-malam jumaat setiap malam jumaat tu jadi itulah *first charity* rasanya.

WR : **Jika puan tidak keberatan, bolehkah kami tahu siapa orang pertama yang memberikan dana kepada puan untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan ini?**

PZ : ohh ok...kawan, kawan ni sama belajar dekat ITM (Institut Teknologi Mara)...ITM Cawangan Kelantan lah masatu duduk dekat cawangan Kelantan jugaklah jadi, kawan ni lama dah sebenarnya lama dah tak contact dia lepas kan semua dah grad,(graduasi) bekerja, berkahwin...lama tak contact dia pastu dia nampak dalam facebook aktiviti tu lah duk masuk masukkan semua akiviti duk tolong orang tulah dia lah yang pertama sekali yang masuk duit seribu tak ingat tahun berapa...tahun sebelum tahun 2010 lah dalam dua ribu tak ingatlah tahun berapa masatu masih duduk dekat KL.

6.0 LATAR BELAKANG DAPUR RAMADAN OLEH PUAN ZARINA

WR : **Saya merupakan salah seorang follower puan di facebook, (mukabuku/laman social) setiap kali puan memuat naik gambar berkaitan dengan aktiviti kebajikan puan sering menyebut mengenai dapur Ramadan**

dan DR Mart. Boleh kami tahu apakah simbolik Dapur Ramadan dan DR mart kepada puan?

PZ : ahh ok...Dapur Ramadhan tu baru je tahun dua ribu Allah tak ingat doh (sudah dua ribu berapa erh...dua ribu erm 2017 haa 2017 DR (Dapur Ramadhan) 1 ni mula dengan DR1 ni sebab ada hamba Allah ni sedekah dia suruh macam buat makan-makan ni untuk jamu orang sebab orang ni cerita berkenan hadis ni jugak dia kata fadhilat jamu orang makan kan...jamu orang makan sebab sebelum tu macam makcik buat hantar nasi untuk mak pondok berbuka kan pondok ni sebelah rumah je dekat rumahlah maksudnya jalan kaki pun sampai

PZ : jadi kat situ macam seratus lebih mak pondok ni memang tinggal kat situ lah kebanyakan orang susah dia daripada kampung pedalaman Kelantan Jeli, Air Panas semua dia datang sini duduk sini la kira nak nak ni dengan rakan sebaya nak belajar semua nak solat Jemaah jadi setiap Isnin Khamis buat berbuka puasa semenjak tahun 2013 tahun 2014 macam tu...jadi buat buat masatu takde DR kan tempah dengan asnaf

PZ : asnaf buat lama-lama kita tak konsisten sikit lah...tak konsisten macam ada buat ada masa buat kuih ada besar ada kecik pastu kadang-kadang ada yang tak sedap, jadi makcik suarakan lah dalam facebook kata kalau boleh nak ada satu dapur ada satu section (bahagian) dapur yang asnaf juga boleh datang memasak dan kita gajikan dia dan ada hamba Allah ni dia, bila dia baca facebook tu dia pun *contact* (menghubungi) dia kata okey belakang rumah tu, dia pernah datang sini pun sebelum tu dia pernah datang tapi cuma...tak tak kali pertama dia buat tu dia tak pernah datang jadi dia nampak dalam facebook jelah gambar-gambar semua. dia masukkan duit 10 ribu dia kata apa ni buat dapur buat dapur belakang rumah tu buatlah section kecik tu takpe kan nak asal boleh masak setiap isnin khamis bagi mak pondok makan setiap hari-hari lain ada sedekah orang suruh asnaf makan ke buat, buat dekat situ jangan tempah lagi dekat luar so *since then* lah (sejak itu,) panggil 6 orang asnaf masak kat sini.... berlarutanlah sampai sekarang masih, masih berjalanlah hmm tu DR1.

PZ : pastu DR2 means (maksudnya) sekarang kedai makan lah baru 4 bulan belum stabil elok lagi tapi, bolehlah progressing (berjalan) lah dalam masa covid semua

ni *last* (akhir) sekali DR dapur Ramadhan mart tu baru...baru 2 bulan DR Mart tu macam kedai runcit lah haa kedai runcit pastu ada orang sedekah apa kita buat pakej *charity order* (tempahan kebajikan) barang kita hantar macam tulah pastu, dengan sedekah orang tu kita topup beras kita topup roti dalam pakej team charity order kalau ada sedekah banyak kita dapat bagi banyak kalau takde sedekah kira *let go* (bagi) beras dengan separuh harga atas kos dapur Ramadhan tanggung

WR : Adakah DR merupakan sebuah badan kebajikan yang bernaung di bawah NGO?

PZ : err bukan DR tak berdaftar sebagai NGO DR ni nama dia sebab tengok orang sedekah suruh buat dapur tukang yang makcik kata RM10 ribu tu orang tu yang namakan dapur ni sebagai Dapur Ramadhan sebab dia beroperasi bermula bulan Ramadhan haa jadi dia lah sebab tanya dia kan ‘dapur ni dah siap macam ni dah buat nak mula beroperasi lah apa kita nak namakan dapur ni?’ so dia yang suggest (cadangkan) ok kita buat Dapur Ramadhan so (jadi) benda tu sampai harini hmm kan berkat dia punya sedekah apa ni kehendak dia kan apa yang dia suka dan terjadi apa yang dia suka kan Allah izin

WR : Apakah peranan puan untuk Dapur Ramadan?

PZ : (peranan?) hmm (berfikir) peranan kalau ada masa sama-sama masak ada masa Dapur Ramadhan kalau dari sudut kita mendapat kewangan melalui jualan ketupat palas DR itu yang macam banyak yang boleh kita generate charity daripada jualan ketupat tu cuma ketupat ni, dia kan seasonal item (barang yang dijual bermusim) kita tak mampu lagilah setakat ni nak jadikan dia sebagai produk yang dijual sepanjang tahun tapi ketupat tu available (ada) sepanjang tahun cuma bila dia paling laku masa perayaan lah kan haa jadi banyak duit charity yang makcik buat adalah daripada jualan ketupat untuk bayar gaji semua asnaf yang bekerja kan sekarang ni ada DR1 6 orang pekerja DR Mart sorang DR2 3 orang...3, 4 haa 10 orang semua

PZ : tapi bila musim ketupat haa akan jadi 20 orang lebih sebab yang buat ketupat ni kita perlu orang kampung ramai ni so ramai la datang buat ketupat kat sini setiap hari tu adalah 20 orang buat ketupat

WR : Adakah puan sendiri yang menguruskan Dapur Ramadan dan Dr Mart atau puan mengambil seorang pengurus?

Adakah Dapur Ramadan atau DR mart mempunyai cawangan lain, jik ada dimanakah cawangan lain itu?

PZ : tak...takde cawangan dah

WR : Adakah Dapur Ramadan dibuka setiap hari?

PZ : setiap hari, 7 hari seminggu

WR : Dari jam berapakah Dapur Ramadan beroperasi?

PZ : kalau DR2 kedai makan tu beroperasi dari 7 pagi sampai 6 petang, DR mart kedai runcit tu pukul 8 pagi sampai 6 petang

WR : Apakah kumpulan sasaran utama bagi Dapur Ramadan?

PZ : mesti asnaf. golongan asnaf, pekerja pun golongan asnaf dan sasaran iuntuk kita bantu juga asnaf yang bekerja dekat DR dia juga mesti asnaf kalau kata dia kira boring (bosan) dekat rumah dia nak bekerja suami dah memang bukan asnaf ke apa semua memang tak, tak boleh kita bagi keutamaan kepada asnaf sebab asnaf kan dia perlu cari duit kan..sebab maksudnya bila musim raya *demand* (permintaan) ketupat ni tinggi so setiap hari kita buat antara 8 ribu hingga 10 ribu biji sehari jadi upah setiap asnaf yang datang bungkus ketupat tu dia dapat antara 80 ringgit hingga 120 ringgit macam tu lebih kurang satu hari sorang so, pendapatan ni dia kekal macam 4 bulan tu dia boleh bekerja dengan pendapatan tu..tinggi kan pendapatan tu tinggi bukan, kalau orang menoreh dekat kampung tahu berapa diaorang dapat? Duduk dekat kampung orang menoreh ke tak? felda? haa tak berapa tahu orang menoreh kan...

PZ : haa orang menoreh getah ni tak tahukan berapa pendapatan dia menoreh kan...kalau biasanya musim boleh menoreh la maksudnya kalau dia mampu menoreh lebih kurang 6 ekar, 6 ekar kebun getah pendapatan dia lebih kurang macam kalau buat masa nil ah harga lebih kurang 2 ringgit 30 sen sekilo dia boleh daoat lebih kuramg 15 ringgit ke 20 ringgit sehari 6 ekar ni penat besar nak siapkan 6 ekar ni.haa jadi pendapatan dia antara tu je 15 ringgit ke 20 ringgit sehari.

Tapi kalau dia datang bekerja dekat DR dia datang buat ketupat ni dapat 80 hingggga 120 sehari bergantung kepada dia laju ke tak laju la kan...haa tu pendapatan dia salaam 4 bulan jadi memang orang macam siapa-siapa pun nak la bekerja sebab gaji tinggi upah setiap hari hmm itulah sebab keutamaan kita bagi kepada asnaf untuk buat kerja tu orang bukan asnaf dia dah ada pendapatan jadi dah apa ni maksudnya stabil la kan tu la tujuan utama DR yang orang sedekahkan apa ni dapur tu tu lah tujuannnya nak bantu asnaf

WR : Berapakah masa yang puan perlukan untuk bangunkan produk atau perkhidmatan ini sebelum dapat menawarkan perkhidmatan di Dapur Ramadhan?

PZ : (berapa lama?) DR tu dia kalau ikut tempoh dia lama ke tak lama tu bila dah siap dapur tu nak buat dapur tu dalam masa sebulan lebih siap lepas siap terus beroperasi benda ni memang makcik idam-idamkan lah lama dah tapi sebab kita takde duit nak buat kan macam apa yang kita idamkan kita post lah dekat facebook apa yang kita rasa erh ada dapur macam ni seronok kalau ada

PZ : bila kita cita-cita macam tu rupanya ada *follower* (pengikut) yang nak bantu dia memang orang yang suka pada charity tapi dia takde kesempatan nak buat kat tempat dia sebabtu lah makcik rasa kalau student kea pa kan buat charity buat charity sebabnya kita rasa macam kita tak mampu awal-awalnya kan kita rasa takmampu kita takde duit yang banyak untuk bantu orang tapi ada orang yang memang dia suka nak bantu kadang-kadang yang memang berduitkan tapi dia tak tahu mana nak chanel (salur) duit dia so, bila kita buat dengan amproven benda orang yang sedekah dekat kita kita hantar kan duit yang banyak mana orang *bank-*

in (masukkan) kea pa semua hantar kat kita, kita *deliver* (bagi) kita deliver semua jangan tipu orang jangan tiou diri sendiri benda ni kan sebab tu hadis yang cerita.

PZ : benda ni kalau kita buat dengan cara nak keuntungan yang orang kata orang deliver banyak ni kita pergi hantar sikit kan sebenarnya benda tu jadi lebih akan jadi bala daripada kita tipu dari bukan charity faham tak maksud dia? faham tak charity kalau kita nak buat sebab janji hadis tadi kan ‘ohh kita dalam dunia ni kita kan banyak masalah so kita nak masalah kita selesai kita dalam dunia ni kita nak gembira kan kita nak memang dalam dunia ni apa kita taknak? Maksudnya apa saja benda dalam dunia ada setengah orang kata dia nak kaya kan nak kaya sedekah nak kaya nak kaya kita sedekah, semua yang berkenaan charity dia terbalik, dia terbalik bagi semua yang kita ada Allah ganti balik tu dengan perkara yang kita tak sangka-sangka, beri gembira pada orang, Allah dayangkan gembira pada kita maccam erh tiba-tiba erh selesai bila settle (selesai) masalah bila hidup kita dah macam kurang, urusan hidup kita dipermudah semua jadi amcam lapangkan atau apa lagi dalam dunia ni kita nak?macam kita dah harap dekat akhirat besok laa kita tak tahu hari...tapi hadis tu cerita kita selesaikan masalah orang dan Allah selesaikan masalah kita dunia dan akhirat

ada hadis tu kata...cari nanti hadis tu dan jadikan dia motivasi untuk kita sebab itu saja lah macam kita nak apa lagi dalam dunia ni? Kita nak apa lagi kalau kita Berjaya tapi tanpa benda yang macam menjanji kan akhirat kita macam mana kita rasa perkara charity lah kan satu satu benda yang memang ada hadis-hadis sahih cerita, perkara berkenaan sedekah perkara yang berkenaan dengan tolong orang semua dalam hadis-hadis sahih ada orang tak buat orang yang macam dia ignore (abaikan) ataupun dia tak ambil berat lah, rasa macam sangat-sangat rugi maccik rasa kalau maccik jumpa hadis tu awal-awal dulu masa belajar dulu ke lagi tapi masatu mungkin tak fikir sangat ataupun jahil la jugak kan tak ambil peduli tak ambil tahu rasanya masa tu dah tak buat dah kalau macam ni lah maksudnya charity ni boleh menyelesaikan masalah kita, nak start dari kecik dulu lagi rasanya

WR : Apakah aktiviti yang terlibat di Dapur Ramadan dan DR Mart?

PZ : (aktiviti pertama?) DR1 aktiviti pertama memasak untuk...masak makanan berbuka puasa untuk mokpondok kalau untuk DR1 kalau untuk DR2 masak tu memang untuk jual lah tapi ada kiriman-kiriman orang kirim duit untuk suspended meal kita guna untuk suspended meal tu kita guna belanja asnaf makan awal-awal dulu makcik buka DR2 buka kedai jual pagi kan jual breakfast (sarapan) pagi nasi kerabu masi apa semua laksana lah apa semua makcik expect (sangkalan) bila kita panggil asnaf datang untuk makan di kedai makcik expect dia akan datang rupanya dia tak datang lepastu kita tukar plan (rancangan) kita buatsatu...erm kita printlah kupon kita letak situ sebagai suspended meal jadi siapa-siapa yang nak belanja siapa-siapa makan apa semua dikirim duit kalau kata 10 ringgit dia boleh dapat makanann apa-apa kita pack kita bungkus kita hantar dekat asnaf itu DR2 DR Mart itulah apa yang buat buat pakej charity untuk orang bergiat area mana-mana lah setakat ni memang seluruh daerah kita hantar Bachok, Pasir puteh, Pasir Mas banyak tempat sampai sampai sahaja team charity yang request untuk dia nak buat pakej untuk sedekah pada asnaf satu pakej tu minimum 50 ringgit jadi DR Mart sedekah satu kampil beras ataupun satu loaf (buku) roti gardenia macam tu lah...jadi kita hantar mana-maan team charity yang buat program

WR : Apakah yang membezakan produk atau perkhidmatan Dapur Ramadhan dan DR Mart berbanding produk dan perkhidmatan lain di pasaran?

PZ : dekat pasaran...DR Mart ni macam kedai lain jugakkan, dia kedai runcit...kadang tengok dalam facebook kan selalu ada pasal DR Mart kan. Ada tengok? ok, dia macam kedai runcit lah kedai runcit yang lain pun sama jugakkan tapi cuma melalui sedekah-sedekah orang dan juga duit daripada jualan ketupat palas DR makcik pegang duit tu keuntungan dia ada asnaf-asnaf yang makcik rasa buahn huajn ni kan bulan tengkujuh ni kita rasa macam ohh orang memang tak boleh bekerja orang takde duit orang putus beras so kita jadikan...jadikan dia baucer dan asnaf boleh datang ambil barang di DR Mart secara percuma lah dengan nilai 40...dengan nilai 40 ringgit kalau masa ada banyak sedekah dengan banyak lah kita boleh macam ada untung apa-apa sikit ke produk DR ni kita kira sedekah dekat situ lah

WR : Adakah harga barangan di DR Mart berbeza dengan kedai runcit yang lain?

PZ : harga barang lebih kurang sama dengan kedai lain tapi mjuah sikit lah kalau Tanya orang-orag kat sini erh banyak barang lebih murah daripada kedai lain lah

WR : Berapa kali dalam sebulan puan menambah stok di Dr Mart?

PZ : sebulan erh? banyak kali sebulan macam sekali kita buat pakej macam contoh nya lah kan hari jumaat dengan sabtu ni yang terdekat ni makecik kena sediakan 150 pakej ada yang harga serratus ada yang 50 yang ada dalam beg ikea biru tu ada orang sedekah jadi kita *pack-pack* (bungkus) masuk dalam beg tu maksudnya 150 pakej tu ada yang order 100 ringgit satu pakej ada yang order 50 ringgit satu pakej maksudnya banyak jugak kan dalam berbelas belas ribu la jugak 10 ribu macam tu jugak la satu order jadi maksudnya barang tu barang runcit dia takde untung besar tapi kita buat tu untuk *satisfaction* (kepuasan) lah kan untuk charity lah kalau kita tak minat charity kita tak boleh buat kita rasa akan rugi kita oder barang kata lah 10 ribu datang balik dekat kita kadang-kadang tak balik modal kadang tak balik modal sebab memang jiwa kita nak buat charity kita sanggup tanggung lah rugi kan kita sanggup tanggung tak kisah lah rugi tapi kebanyakannya tak lah ada ada gentian yang lebih baik kadang-kadang Allah bagi pulak kita macam tiba-tiba orang nak jadi agent ketupat tiba-tiba orang nak jadi stokis ketupat kita satu order (tempahan) masuk kadnag-kadang dua tiga ribu maksudnya ada kan masa macam tu nampak macam rugi dekat situ tapi Allah balas tempat lain pulak.

WR : saya mendapat tahu puan juga turut berniaga makanan segera contohnya macam kit kerabu dan sambal, Adakah puan menjalankan perniagaan sampingan tersebut untuk menampung perbelanjaan di DR Mart ataupun untuk mendapatkan pendapatan sampingan untuk puan dan anak-anak puan?

PZ : tu keluaran DR2 lah kan nak sustain kan biar boleh post biar dapat *customer* (pelanggan) luar pon boleh makanlah macam tulah kan nak pelbagaikan

pendapatan sampingan tu itulah tambah tambah denga kit nasi kerabu buat sambal belacan 3 botol 10 ringgit pos lah kan kemana-mana kan pastu suruh asnaf buat kuih siput kuih lidah buaya tu macam asnaf hantar ke kedai makcik terus bayar dialah pastu makcik publish lah dalam facebook siapa nak beli macam makcik ambil lah seringgit untuk profit macam tu lah kana da sikit ambil *profit* (keuntungan) sebab kita bergerak jugak nak hantar kemana-mana kan jadi dengan asnaf tu kita terus bayar produk dia habis ke tak habis memang dia dah terus dapat duit macam tulaa ada asnaf dia buat kripap kecil ermm apa nama tu kuih ros, sarang tebuang tu dan kita pos lah mana-mana letak dala facebook. poslah saipa-siapa yang nak

WR : Adakah puan menghasilkan kit kerabu tersebut dengan menggunakan resepi puan sendiri? Ataupun puan mendapatkan resepi dari keluarga puan?

PZ : resipi yang memang DR ni memang favourite (kegemaran) buat nasi kerabu sebab apa sebab mokpondok suka kan nasi kerabu jadi bila mokpondok suka nasi kerabu untuk buka puasa kan orang tua macam nenek kita dia tak boleh nak buat cincai-cincai kan makanan dia tak boleh cincai-cincai kalau kita buat gulai tak boleh cair kalau nasi kerabu tu memang nak kena dengan rasa dia sambal kelapa tu memang nak kena rasa ikan nak kena rasa kick dia sambl tumiskan nak kan jadi bila kita buat banyak kali mok pondok pun selalu maca rasa ohh sedap nya nasi kerabu ni jadi tu menaikkan semangat kita sebab pujian orang tua ni kita tahu dia pandai makan dia pandai rasa kan kalau pujian mungkin budak-budak sekolah rasanya mungkin dia tak tahu lagi macam apni kalau nasi kerabu yang sedap tu macam mana tapi bila orang tua dia macam orangg nenek kita ni puji ohhh sedap sedap sedaplah kan memang benda tu sedap la kan jadi bila rasa macam sedap banyak orang puji ok kita buat kit lah pulak kita jual kit nasi kerabu kan senang orang senang la maksudnya benda yang payah dalam nasi kerabu tu kita dah senangkan orang balik masak nasi macam tulah jadi satu menyenangkan orang jadi duanya jadi pendapatan orang jual untuk DR

WR : Adakah puan membuat kit kerabu dan sambal di rumah puan ataupun di Dapur Ramadhan?

PZ : dekat DR...dekat rumah ni nama dia DR1..DR1 ni tempat yang ada gambar gambar yang buat ketupat macam harini buat pau karbonara ada kat sini DR1 dekat rumah lah maksudnya tu

WR : Adakah tenaga kerja di Dapur Ramadhan turut membantu dalam menghasilkan kit kerabu dan sambal tersebut bersama puan?

PZ : aah memang diaorang ni memang pandai masak sebab dah bertahun-tahun kan dekat sini macam makin tahun makin pandai lah makin improve

WR : Siapakah target market DR Mart? Adakah DR mart hanya menerima pelanggan yang terdiri daripada golongan asnaf sahaja?

PZ : tak tak kalau *target* (sasaran) customer mestilah target dengan orang yang kalau target untuk yang barang-barang boleh pos kita target macam customer luar lah daripada KL daripada Johor semua tu kan.

Cuma ada hari- hari tertentu yang macam kita bukak siapa-siapa orang yang dekat sekitar sini dekat Pasir mas ke KB (Kota Bharu) ke siapa-siapa nak kita buat cod (cash on delivery) lah untuk customer dekat-dekat ni tapi mostly (kebanyakan) kita bukak order dekat facebook banyak daripada luar daripada KL daripada Johor

WR : Berbalik kepada aktiviti kebajikan puan, apakah barang keperluan yang biasa puan sumbangkan?

PZ : sumbangkan beras lah yang paling utama pastu yang barang dapur benda macam gula, tepung susu, mihun, teh, kopi, ahh semua tu yang asas-asas

WR : Berapa orang bilangan pekerja yang bekerja dengan puan dalam membantu aktiviti kebajikan bersama puan setakat ini?

PZ : semua yang team DR ni semua terlibat kalau apa-apa buat tu diaorang terlibat 10 orang macam besok masak gulai kambing 6 orang kita agih-agih la tugaskan sebab dekat dapur kedai DR2 dia macam tak boleh sangat nak selit kerja sebab dia

memang bekerja di kedai makan tak boleh sangat la kalau macam ada agen nak keluarkan dia daripada kedai tu tak boleh kan sebab dia beroperasi 7 hari seminggu jadi dia kena stay dekat kedai 3 orang tu.

WR : Adakah puan mengambil golongan asnaf untuk bekerja bersama puan dalam menyediakan bahan bahan mentah untuk diagihkan diluar Kawasan dan Adakah puan ada menetapkan syarat jika ingin bekerja bersama puan?

PZ : syarat dia mesti asnaf lah haa tapi kita ada pesan-pesan kan kita ada taalim benda ni memang selalu kena pesan-pesan kadang-ladang kerja ada masalah dengki ke apa dia ada jugak adalah berlaku kan sebab kita manusia jadi dengan taalim-taalim la kita pesan supaya jangan supaya macam sentiasa kan lapang dada lah kalau rasa...itulah benda-benda kalau berkenaan inilah rugas-tugas inikan

WR : Adakah puan menghadkan bilangan pekerja puan?

PZ : kalau dalam musim ketupat tak hadkan kalau masa musim ketupat memang memang kalau dekat-dekat hari raya atau selepas hari raya buat open house (rumah terbuka) kita memang tak cukup kaki tangan so siapa-siapa saja asnaf yang nak datang yang pandai buat ketupat memang dialu-alukan datang tapi dia kena praktis dululah dengan ikut kpi kita janganlah macsm hujung lubang tu macam keluar pulut ke apa semua mesti kemas lah memang kena ikut standard dia memang kena inilah belajar dulu sebelum dia datang tu

WR : Bagaimana cara puan mengambil pekerja puan, adakah melalui temuduga?

PZ : tak...tak sebabkan makcik tinggal dekat sini dah macam rasa lama rasa macam dah kenal ramai orang dekat sini jadi daripada situ lah kan orang biasa kalau ada orang susah orang cerita “ohh kakna sini dekat dekat ni ada orang ni susah jugak ni baru kematian suami ke apa kan” selalu kita *entertain* (layan) setiap hari setiap masa macam ada kita bagi beras kita bagi apa la lama-lama kita tahu laa keadaan perjalanan dia ‘ohh dia tak bekerja dia takde pendapatan’ kita panggil dia bekerja...orang sekita kita tak boleh panggil orang jauh nanti kesian dia sebab

transport (kenderaan) semua kan orang sekitar sini lah dia boleh datang dengan motor ke suami dia hantar dengan motor ke

WR : Adakah puan menghantar pekerja puan mengikuti kursus masakan untuk menambah kemahiran untuk di aplikasikan di Dapur Ramadhan?

PZ : ada...mesti kalau tak nanti memang yang menu-menu baru mesti kena panggil nih ah panggil cikgu ajar macam buat pau carbonara ni baru dua tiga hari lepas panggil cikgu buat pau so harini dah boleh buat sendiri harini diaprang buat 600 biji pau 7 orang

WR : Adakah Dapur Ramadhan ada mengadakan aktiviti bulanan contohnya jamuan makan yang diadakan hanya untuk pekerja di DR Mart?

PZ : hummmm biasanya macam jamuan makan tu sebab DR ni macam dah ada kedai kan jadi siapa-siapa yang DR nak pergi makan kan lepastu biasanya macam hummm kalau oergi mana-mana bawa balik hadiah macam tu jelah untuk rai-raikan sebab sebenarnya asnaf pun jadi dia dah bekerja jadi macam tulah ada hadiah-hadiah tertentu kalau nak kata bulan bulanan tu tak jugalah tapi kalau siapa-siapa nak pergi makan dekat DR tu dia team DR dia memang boleh pergi makan jelah

WR : okey lah puan saya rasa setakat ni jelah dulu untuk sesi pertama kita.

PZ : setakat tu je dulu...okeyyy ada panjang lagi banyak lagi soalan?

WR : ada banyak lagi sebenarnya

PZ : ya jadi sambung esok

WR : insya allah kita sambung esok

PZ : okeyy apa 9.30 juga esokkan, 9.30 malam jugak

WR : haa 9.30 ke puan nak cepatkan ke tak?

PZ : boleh la kot 9.30 ok dah. Line (talian) pun ok je kan?

WR : haah

PZ : ada masa line dia memang tenggelam timbul la malam ni ok la ni sikit ni

WR : **Alhamdulillah**
PZ : (ketawa) ok esok pulak kita jumpa 9.30
WR : haa ok. Terima kasih puan:
PZ : sama-sama

SESI SATU BERAKHIR

SESI KEDUA BERMULA

7.0 PROSES PENGUMPULAN DANA

WR : Hello, Assalamualaikum.
PZ : Waalaikumussalam.
WR : boleh kita sambung sesi temubual kita?
PZ : Boleh.
WR : Saya tanya soalan ye?
PZ : ha boleh, panggil makcik *je*(sahaja) senang. Tak *payah* (perlu) panggil puan
WR : **okay. Balik ke penerima bantuan dari *charity* (kebajikan) makcik ni, apa KPI yang makcik tetapkan kepada orang asnaf untuk layak dapatkan bantuan tu.**
PZ : okay biasanya, dia bekerja kampung kalau *kat* (di) kampung ni kebanyakan orang *menoreh* (penoreh getah). Kalau dia menoreh, biasanya suami dia itu tukang buat rumah macam kerja buruh lah kan tapi itu tak cukup lagi syarat dia. Syarat dia kena anak ramai, tujuh atau lapan macam *tulah* (itu lah).
WR : **ouhh.**
PZ : Anak-anak (anak penerima asnaf) masih bersekolah. Kita tahu pendapatan dia kan. Kalau dia menoreh dia tak akan dapat *pun* (juga) dalam RM15 sehari dan lelaki dia mungkin dapat dalam RM40 atau RM50 sehari tapi dia tak bekerja sepanjang bulan. Ada banyak masa tukang rumah ni cuti sebab hujan ke apa semua dan tak ada projek atau tak ada rumah nak buat, ada jugalah dia *kena* (harus) bercuti. Tapi kalau menoreh, dia suami tukang rumah ataupun suami juga sama-sama menoreh dan anak dia enam, tujuh, lapan ha *ni* (ini) memang susahlah kita boleh Nampak dia susah.

- WR** : **hurmm. Okay untuk proses pengumpulan dana *kan* (juga) makcik ada terima sumbangan dari orang luar untuk bantu aktiviti *charity ni* (ini)?**
- PZ** : Memanglah, sedekah daripada kawan-kawan, daripada sedekah orang yang *follow* (Mengikuti) facebook. Kebanyakannya sedekah daripada situlah. Mula-mula buat dulu memang guna duit sendiri. *So* (jadi) bila orang dah nampak macam kita buat kerja macam bekerjalah... Bagi sesetengah orang *kan* (juga) dia *satisfied* (puas) bila kita hantar dengan jumlahnya, dengan duitnya *kan*. Jadi dia jadi lebih meluas lah dan lebih ramai. Dalam masa itu dia menjadi lebih ramai *followers* (pengikut) dan lebih ramai *friends* (kawan). Jadi orang bantu-bantu *share* (kongsi) semua dan daripada situlah maksudnya lima tahun pertama atau enam tahun pertama buat *charity* (kebajikan) kebanyakan orang bersedekah. Tapi macam makcik tak puas hat ikan sebab *charity* (kebajikan) kita buat bukan sebenarnya nak guna duit orang *kan*. Sebab *charity* (kebajikan) dalam hadis cerita “kita sedekah kita dapat fadilat, kita buat orang gembira “, tu tak kiralah sedekah orang ke diri kita atau duit kita tapi nak yang daripada duit kita sendirilah yang paling *best* (seronok) *kan* kita buat. Jadi yang telah Allah jumpakan dengan ketupat palas *tu* (itu) buat *production* (produksi) Ketupat Palas, dia menjadi memang sampai hari ini kita dah dalam tiga tahun lah maskudnya dua juta biji ketupat kita mampu buat.
- WR** : **ouhhh. (kagum)**
- PZ** : jadi Alhamdulillah, *so* (jadi) daripada duit jual ketupat itu memang banyak sangat makcik *allocate* (memperuntukkan) untuk *charity* (kebajikan).
- WR** : **Makcik ada buat pinjaman dari bank ke mana-mana keluarga ke untuk buat aktiviti kebajikan ini?**
- PZ** : Tak pernah. Untuk individu pun(juga) makcik bukan, makcik tak suka pinjam. Walau Kereta, Rumah atau apa-apa sahaja yang peribadikan untuk kegunaan sendiri tak ada istilah pinjam dalam hidup, taka da.
- WR** : **Macam mana kalau dana *tak* (tidak) cukup. Apa inisiatif yang makcik cari?**

PZ : Kalau tak cukup kita diam-diam dahulu. Maksudnya kan *charity* (kebajikan) ini tak ada siapa paksa kita suruh buat atau kita diam pun takde lah. Kerja kebajikan kerja yang tak buat bukannya berdosakan. Baik kita diam-diam dahulu, macam kalau tak ada sangat memang macam makcik seminggu tu diam lah kan. diam macam tak buat apa apa lah kan sebab kita tak ada tapi kita berusaha cari. berusaha cari kan ada sikit ini kita post (siarkan) di FB(Facebook/Mukabuku) dengan ada niat. Dia memang tak berhentilah memang semnejak makcik buat. Ya Allah, kuasa Allah macam kita rasa pelik, orang macam bantu sahaja tak pernah putus-putus.

WR : kalau macam ada orang yang nak/ berminat untuk menyumbangkan kat (di) Dapur Ramadan, makcik ada sediakan bank yang khas ke? Macam asing ke?

PZ : Tak, hurmm ada makcik ada dua akaun. Tapi ada akaun Dapur Ramadan tu akaun yang makcik guna untuk bisnes ketupat. Jadi dia lebih kepada bisnes lah kan sebab kita ada lessen berniaga semua, SSM semua atas nama Dapur Ramadan yang buat ketupat ni. Lagipun Dapur Ramadan tak berdaftar sebagai NGO (Badan bukan kerajaan) jadi kita tak ada lah satu akaun khusus tu . jadi makcik macam selalu cakap dengan orang kalau dia nak menderma kalau dia boleh yakin guna *personal* (persendirian) akaun dia boleh proceed (lanjutkan) kalau dia tak percaya dan tak yakin jangan. Sebab makik tak pernah buat posting (siaran) dalam facebook cakap “saya perlukan dana sekian. sekian... untuk buat program kebajikan”. Makcik tak pernah macam itu sebab tak nak meminta dengan orang kan. Pada makcik kita nak buat *charity* (kebajikan) biar *je* (sahaja) duit kita sendiri, buat dengan duit kita sendiri kenapa kita nak harapkan dengan duit orang kan. Kalau tak ada jangan buat dan jangan minta dengan orang. Kalau orang nak bersedakah itu kerelaan hati dia kan, itu gerak hati dia Allah bagi. Jangan meminta-minta. Itu adalah satu pantang larang macik buat *charity* (kebajikan).

WR : makcik ada buat had ke menerima sumbangan setiap bulan berapa ke?

PZ : tak hadkan. Sebab makcik bukanlah *charity* (kebajikan) yang besar sangat. Ada orang *team*(pasukan) *charity*(kebajikan) yang besar-besar ni memang sampai duit masuk tu dia sampai tak bergerak nak hantar nak handle. Makcik tak lah sebesar tu, bolehlah just nice (Cuma baik) sahaja duit tu lepas dapat masuk dan bergerak, tak lah terbeban kepada kita duit masuk banyak sampai kita tak mampu nak buat. Ada masa duit sedekah masuk banyak jadi kita *team up* (berkumpulan) dengan team charity yang lain. Senang sebab dia *area* (Kawasan) dia dah cari asnaf dia dan bila dia buat program kita *join* (sertai) sebab kita tak mampu nak cari asnaf sekeliling kampung, ceruk-ceruk nak masuk. Kita tak akan mampu nak bergerak sendiri. So (jadi) kita team up dengan kumpulan charity yang dah buat lama-lama. Kita senanglah, dia *pun*(juga) cari asnaf kita pun follow dia ke rumah-rumah memang kita puas hatilah duit pun dekat tangan kita, *okay*(baiklah) orang ni susah, duit sedekah dekat tangan kita ni nak sedekahlah dekat dia RM500 atau RM400 kan. Macam *tulah* (itu lah).

WR : **kalau buat aktiviti kebajikan ni makcik mesti banyak berurusan dengan pihak pembekalkan. Boleh saya tahu apa masalah yang sering timbul dengan pihak pembekal makanan?**

PZ : Tiada, tiada masalah. diorang (pembekal) ni semua baik. Baiklah. Yang selalu order ayam tu, di ani kalau order ayam untuk masak apa-apa semua tauke(pemilik) ayam ni selalu bagi diskaun banyak-banyak dan kalau pembekal ikan tu selalu sedekah ikan bertong-tong ada kedai ikan satu lagi tu pun macam tu juga. Tak ada masalh langsung dengan pembekal ni. Allah bag semua mudah.

WR : **Jika ada yang ingin menyumbang dana untuk aktiviti ini bagaimanakah cara mereka menyumbangnyanya. Adakah terus melalui makcik?**

PZ : haah mesti dia melalui kita lah kan sebab duit in ikan bahaya juga, bahaya tak boleh *pass* (beri) kepada sesiapa dan tak ada sesiapa yang *assist* (uruskan) pun

main facebook bagi pihak. Macam anak juga makcik tak bagi dan anak pun tak boleh nak *reply on behalf* (balas untuk pihak).

WR : Bagaimana makcik mempromosikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan di DR Mart supaya penduduk sekitar datang dan sekali gus menjadi penyumbang tidak langsung dalam aktiviti kanjikan ini?

PZ : macam kalau dekat kampung ni, memang *sehonest* (sejujurnya) nya takde sambutan sangat sebenarnya dekat kampung ni adalah asnaf yang datang belikan, orang kampung ada dah dating beli sikit-sikit kan, RM5 atau RM7 macam tu adalah tapi kalau memang DR Mart ni nak harapkan orang kampung memang tak boleh dan memang tak ada sambutan. Sebabnya macam ada dating membeli tapi kita tahu kuasa membeli orang kampung kan. Sekitar makcik ni memang penoreh dan kena faham macam ada orang yang makan gaji dekat kampung, orang makan gaji dia kebanyakannya dia macam suka membeli sebab dia taka da masa kan contohnya cikgu dia keluar pagi balik petang kan dan dia tiada masa nak pergi kedai runcit *so* (jadi) dia beli *lump sum* (jumlah keseluruhan) dalam jumlah banyak. Itu nak cakpnya orang yang ada duit di kampung tiada masa dia kena beli sekali gus dia pergi *supermarket* (pasar raya) masa *weekend* (hujung minggu). Jadi nak harapkan orang kampung yang menoreh dia tak mampu nak beli banyak kadang-kadang kita tunggu kedai atau makcik tunggu kedai kan ada orang nak beli telur satu ringgit. Telur satu ringgit sahaja nak beli , pergi kedai kita semata-mata nak beli telur seringgit. Jadi kita fahamlah kan kuasa membeli tu mcam mana. Kita tak masuk kedai orang semata-mata nak beli benda satu ringgit kan rasanya. Tak lah kita nak beli satu benda tu kita tambah lagi kan sebab segan kan satu ringgit nak beli barang.

8.0 PENGALAMAN KETIKA MENJALANKAN AKTIVITI KEBAJIKAN

WR : Adakah makcik menerima sumbangan dalam bentuk barangan lain selain daripada segi duit untuk aktiviti kebajikan puan, contohnya?

PZ : ada, itulah macam makanan. Orang hantar pakain terpakai dan makanan juga banyak macam contohnya untuk *mok pondok* (orang-orang tua di pondok) kita buat buka puasa macam esok khamis tapi esok kita tak buat sebab *busy* (sibuk) sikit tapi biasanya ada sahaja orang yang kirim macam esok nak buat buka puasa nak kirim akok lah dan kita datang bawak akok, dia nak kirim kuih ni lah karipap dan lain-lain dia kirim awal-awal. *Even*(walaupun) kurma, hamba Allah ini sampai dah macam berapa ye? Macam dalam tiga atau empat puluh kotak kurma yang *box* (kotak) besar makan yang ada kecil-kecil tu kan. Dia ada hantar awal-awal. Dia kata setiap kali hantar makan buka puasa untuk *mok pondok* letakkan tiga biji kurma dalam nasi dia. Jadi macam-macam idea orang sedekah, kita juga kadang-kadang rasa bijaknya idea macam ni dan buka fikiran kita seperti macam ni cara dia sedekah, bijak cara pemikirannya untuk bersedakah.

WR : Kami sedia maklum yang aktiviti kebajikan puan lebih terarah kepada memberi makanan kepada golongan yang memerlukan. Sejak puan terlibat dengan aktiviti kebajikan puan lebih gemar memberi bahan mentah untuk dimasak sendiri oleh mereka atau puan lebih gemar memberi makanan yang ‘ready to eat’?

PZ : Baiklah, perkara seperti ini juga terdapat hadisnya, fadilat kalau kita bagi makan atau jamu makan ada satu fadilat besar. Bila kita jamu makan ni dia ada hadis khusus macam kalau boleh kita pilih orang yang macam kita tahu di ani bukan ahli maksiat dan bukan orang yang banyak buat dosa sebab itu kita pilih macam *mok pondok* ini , hantar makan kepada mereka itu sebab dia duduk di pondok dan dia nak belajar , akhir hayat dia di situ. Maksudnya, orang yang akhirnya macam mahu kejalan yang baik, kalaulah masa muda dulu buat perkara yang kurang baik kita tahu dia masuk pondok dia mahu insaf dan dia ingin taubat apa semua. Itu satu fadilat dalam satu hadis iaitu menjamu makan. Fadilat jamu makan ini panjang dalam kitab *tanbihul ghafilin* yang menceritakan tentang fadilat menjamu makan ni banyak di dalamnya dan banyak fadilatnya. Selain itu, kalau sedekah yang barangang mentah seperti

beras dan barang dapur termasuk di dalam sudut lain pula dan ianya dikira sedekah juga. Makanan juga tetapi tidak tahulah bagaimana. Namun jamu makan itu makanan yang sudah dimasak. Dua-dua suka cuma seperti di dalam Hadis untuk jamu makan memang kita harus pilih orang-rang yang kita tahu dia tidak bermaksiat. Sebab itu kita biasanya kita nampak orang melakukan jamuan untuk orang masjid atau orang surau.

WR : Baiklah, biasanya jika puan memberi makanan yang ‘ready to eat’ apakah ianya dimasak sendiri oleh puan ataupun makanan tersebut ditempah melalui catering sebelum diagihkan?

PZ : Tidak, semua Dapur Ramadan lakukan kerana Dapur Ramadan adalah sebuah dapur yang beroperasi sebagai tempat memasak sebelum *PKP* (perintah pengawalan pergerakan) baru ini. Namun pada tahun ini agak terjejas untuk buat makanan pelajar sekolah iaitu 350 bungkus nasi setiap hari. Dapur Ramadan yang lakukan. Mak cik memberi upah kepada asnaf enam orang untuk buat di Dapur Ramadan pada setiap hari. Tetapi tahun 2020 ini berlakunya PKP dan sekolah cuti dan bersekolah sekejap jadi agak terjejas aktiviti Dapur Ramadan untuk pelajar sekolah kerana tidak mampu lakukan.

WR : Adakah puan hanya menjalankan aktiviti kebajikan di daerah kawasan puan? Atau puan ada juga mengadakan aktiviti kebajikan di luar Kelantan?

PZ : Luar kelan ada dahulu kita ikut tetapi sekarang ini tidak. dahulu sewaktu terlibat *charity* memang pergi sampai ke Kedah dan Melaka. Selpeas itu, kita sendiri dah macam banyak ini kita dah tiada masa sangat. Kita juga tidak cukup tangan nak uruskan aktiviti kita ini.

WR : Biasanya jika puan juga menjalankan aktiviti kebajikan di luar kawasan, apakah bentuk bantuan yang biasanya puan berikan?

PZ : Bantuan tu dari sudut barang dapur terutamanya beras dan kita buat juga duit dalam sampul kalau ada orang kirim zakat atau apa. Biasanya kalau kumpulan

JMK (Jalan Jalan Masuk Kampung) ni dia lakukan macam contohnya bulan depan kita nak buat di satu Kawasan ini ada 50 asnaf yang kita nak jumpa. Semua akitivis ni harus bersiap sedia mahu beri atau bawa apa kepada asnaf ini. Kalau ada dapat bawa duit, beri duit dan kalau ada dapat bawa barang dapur bawa sahaja dan apa-apa yang sesuai.

WR : Adakah puan memiliki kenderaan persendirian ataupun puan menggunakan kenderaan peribadi puan untuk mengangkut barang-barang yang ingin diagihkan?

PZ : Yang untuk pakej sedekah itu ke?

WR : ha betul.

PZ : Pakej sedekah itu kita guna kenderaan yang hamba Allah sedekahkan. Orang yang sama bantu mak cik buat Dapur Ramadan yang Bank in kan makcik RM 10,000 untu buat dapur ini. Dia ni juga yang sedekahkan satu kenderaan 4x4 d-max yang itulah kita gunakan untuk apa sahaja yang berkenaan dengan ini.

WR : Adakah puan mempunyai senarai nama penerima sumbangan?

PZ : Ada senarai nama itu tetapi tidak *proper* (betul) sangat. Sebab senarai nama haritu masuk di dalam buku tetapi buku itu hilang. Kita ada buat buku baharu tetapi tidak tidak *proper* sangat dan tidak semua ada. Tahun lepas senarai yang betul itu hilang.

WR : Bagi menyesuaikan dengan dengan perkembangan semasa, apakah sumbangan yang pernah diberikan oleh puan contohnya semasa musim banjir?

PZ : Musim banjir adalah satu musim yang panjang dan orang yang menoreh tidak boleh bekerja langsung dan sebelum banjir itu dia mula hujan dalam 2 bulan dan berlarutan dan dari situ kita bantu dengan rancak sikitlah kerana musim lain dia masih boleh bekerja lagi. Bila hujng tahun, musim tengkujuh dia guna duit simpana itulah yang tidak mencukupi sebab kita tahu waktu musim boleh

bekerja kewangan mereka tidak mencukupi juga. Jadi masa musim tengkujuh kena giatkan sikit supaya macam taklah jadi anak-anak berlapar sangat.

9.0 ANUGERAH

WR : Saya juga ada membaca di portal rasmi tokoh wanita Kelantan mengenai puan mendapat gelaran tokoh. Apakah gelaran yang diberikan kepada puan?

PZ : Pada masa terima anugerah tokoh itu terdapat banyak tokoh yang diberikan gelaran. Gelaran dia macm-macam. kalau gelaran makcik kalau tak silap “Tokoh Kebajikan NGI Cakna”.

WR : apa perasaan puan ketika mendapat gelaran tersebut?

PZ : Tiada perasaan apa rasanya, (ketawa) sebab waktu dicalonkan pegawai dia ada telefon dahulu dia kata makcik macam terpilih untuk yang ini lah kan. Makcik tolak sebab makcik tidak mahu dan suruh mereka cari orang lain dan makcik tak minat untuk naiki naik pentas. Daripada dulu makcik kurang berminat dengan aktiviti-aktiviti sebegitu. Lama makcik tolak gelaran itu, lepas pada itu pihak pegawai itu berdiam diri dan makcik ingatkan sudah tertolak tetapi selepas beberapa bulan dia menghubungi makcik Kembali berkenaan dengan gelaran tokoh ini kerana dia beritahu makcik tidak boleh tolak kerana mereka sudah bermesyuarat mengenai gelaran tokoh ini. Jadi kita tidak mahu rasa yang kita sombong kerana tak mahu gelaran itu, oleh itu makcik terima sahaja.

WR : Adakah puan pernah mendapatkan gelaran tokoh selain “Tokoh Ngi Cakna”?

PZ : Tiada. Tetapi ada yang mahu calonkan masuk dalam buku wanita Kelantan bawah professor safiah dan dia sendiri hubungi untuk mendapatkan biodata makcik. Makcik memang malas dengan aktiviti seperti ini. Macam Wafa minta makcik untuk membaca soalan yang sudah disediakan memang malas tetapi jika temubual secara lisan seperti ini makcik boleh atau jumpa secara bersemuka. Tetapi kalau yang minta makcik sediakan biodata atau kegiatan kita makcik memang tidak buat. Professor itu minta banyak kali tetapi makcik memintanya mencari orang lain sahaja.

10.0 CABARAN DALAM MELAKSANAKAN AKTIVITI KEBAJIKAN

WR : Kita sedia maklum yang aktiviti kebajikan yang kadang-kadang melibatkan dana yang banyak ada pasang surutnya, adakah puan pernah gagal dalam melaksanakannya? Kalau ya apakah factor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan tersebut?

PZ : Tiada masalah sebab dia tidak boleh jadi masalah. Kebajikan ini kita buat atas kemampuan ita dan kita tidak letakkan target (tujuan). Kita rasa mcam Allah yang aturkan semuanya. Ada hari yang kita tak mampu nak buat Allah nak kita rehat dahulu lah kan. Jadi tiada apa yang buat kita rasa tertekan tak dapat dana banyak. Jangan letakkan dalam kepala semua itu untuk membuat diri tertekan. Kalau tiada duduk diam-diam. Tak pernah pula tiada rezeki untuk membantu orang lain ini. Semenjak makcik buat ni tak pernah tak dapat buat, contohnya rasa mahu bantu sepuluh keluarga yang nampak susah. Ya Allah, tuhan memang atur apabila terdetik sahja hati kita nak buat macam-macam untuk bantu orang ada yang datang cakap kita ni nak bayar zakat dalam RM1000.00 boleh tak tolong lunaskan zakat saya, jadi memang tiada masalah.

WR : Boleh puan kongsikan kisah atau memori yang sangat terkesan kepada puan semasa menjalankan aktiviti kebajikan seperti ini?

PZ : Ada, kisah asnaf yang memang memberikan kesan. Mula-mula kita rasa macam kita pergi bantu asnaf, kita rasa kita pergi bantu dia ini tetapi bukan sebenarnya Allah hantar dia tu untuk bantu diri kita sendiri. Allah buat sahaja kejadian seperti itu sebagai ujian kita untuk bantu atau tidak mereka. Sebenarnya kita pergi bantu dia adalah satu usaha kita bantu diri kita di dunia dan akhirat. Faham tak?

WR : **faham, faham.**

PZ : Jadi, memori yang rasa macam besar sikit. Ada anak asnaf ni dia anak ramai dan ibu beliau ibu tunggal. Selepas itu, anak dia ini seperti tidak cukup zat kerana macam makan tak makan kerana tidak suka makan. Mak dia pula dah anak tidak suka makan, dia tidak ikhtiarkan anak dia untuk makan benda berkhasiat sedikit, sebab dia kata tiada wang yang mecukupi dan mempunyai anak seramai tujuh orang, sampai-sampai anak dia itu selalu pengsan di sekolah. Lepastu bawa ke klinik memang dapati dia kekurangan zat dan nutrisi dalam badan. Selepas itu, makcik ceritakan didalam Facebook, waktu itu sudah siap beli semua kelengkapan untuk diberikan seperti susu, coklat dan lain-lain. Rasa macam boleh ada orang hidup sampai tiada makanan.

WR : **waktu makcik agihagikan sumbangan pakah perkara yang paling mencabar semasa mengagikan sumbangan?**

PZ : mencabar itu, bagi diri kita yang agihkan ni macam tidak ada. Tetapi seperti kes asnaf tipu kita itu ada, itulah yang membuat kita sakit hati. Asnaf itu kata elektrik rumah dia kena potong dan kita sibuk, dia cakap bil elektrik dia hilang tapi bil tu ada dalam sejumlah yang diberitahu. Kita pula sibuk dan percaya sahaja dengan asnaf itu dan kita beikan duit sejumlah RM700 kepadanya. Lepas itu kita pastikan balik, makcik suka tanya balik berapa bil yang dia bayar dan mahu lihat resitnya sekali. Dia kata sudah bayar bil elektrik semua dah tetapi resit bil tiada kerana hilang. Makcik cakapt kat dia esok makcik pergi ke Tnb pergi minta resitnya sendiri. Lama-lama dia mengaku yang bil itu bukan sampai Rm700 tetapi dalam Rm500 sahaja. Kita minta balik, dia kata duit itu sudah habis digunakan dan kita rasa tertipu sebab niat kita mahu bantu dia.

WR : Saya ada juga tertengok postingan puan di laman facebook yang puan tetap mengagihkan sumbangan semasa wabak covid berlaku. Apakah cabaran utama yang puan hadapi semasa mengagihkan sumbangan dalam masa pandemic ini?

PZ : dalam waktu pandemik ni adalah SOP dan ada sedikit kekangan mengenai penderma yang terjejas kerana ada segilintir penderma yang kehilangan kerja walaupun dia seorang penderma yang setia. Tapi masih dalam keadaan baik dan tiada masalah sangat.

WR : Adakah puan juga menerima ‘permintaan’ daripada penerima sumbangan contohnya meminta puan untuk menyediakan barang keperluan asas dari jenama tertentu?

PZ : Tiada, berani diorang macam itu (ketawa). Lagipun kita berikan kepada asnaf ni dia macam barang basic, contohnya ada yang mempunyai kencing manis dan ada susu yang dia tidak boleh minum. Itu kita masih boleh terima lagi tetapi kalau nak ikut jenama-jenama tertentu kita tidak ikut.

11.0 KESIMPULAN SOALAN

WR : Pada pendapat puan, Apakah yang puan dapat perolehi daripada aktiviti kebajikan yang puan laksanakan ini?

PZ : Banyak, kalau nak cerita syafaat dia memang macam cerita dongeng pula (ketawa). Makcik selalu cerita dengan orang-orang atau anak makcik untuk membuat kebajikan sahaja sehinggakan anaka makcik kata yang ibu ni tiada nasihat lain ke? Sebabnya makcik rasa orang yang tidak tahu sahaja yang tolak untuk buat kebajikan. Sangat rugi, kalau hidup kita tidak buat kebajikan. Kalau dari dulu tahu mengenai kebajikan ini kalau boleh dari kecil nak buat kebajikan ini macam itu. Kalau nak cerita fadilat atau kelebihan dia, makcik dulu bekerja tahu 2007 dan berhenti untuk pulang ke kampung dan memulakan aktiviti kebajikan ini, di dalam setahun dua selepas itu, kita tidak rasa macam tiada

gaji maksudnya kita ada gaji dulu sebab bekerja setiap bulan sampai kita terfikir nak makan apa ye kalau tiada duit gaji ini. Makkik berniaga kecil-kecil ini macam Allah hantar sahaja rezeki itu sampai kita tidak rasa yang kita tiada duit gaji itu walau pendapatan berniaga kita kecil. Rasa macam ajaiblah.

WR : Apakah yang menjadi sumber kekuatan puan untuk meneruskan aktiviti kebajikan?

PZ : itulah hadis-hadis yang makkik ceritakan itu. Kita berpegang pada itu sahaja.

WR : Apakah impian puan yang belum tercapai melalui kerja kebajikan yang puan jalankan ini?

PZ : Makkik tidak pasti kerana makkik ni seperti orang yang tiada cita-cita (ketawa). Jalan ikut aturan Allah sahaja dan cuma berharap jangan Allah dug akita dengan duit orang contohnya “duit oranglah aku nak sikitlah”. Itu makkik selalu minta dengan Allah jangan jadi macam itu dan minta cukupkan kita selalu.

WR : Apakah motivasi atau kata kata semangat yang puan ada untuk mendorong puan lebih komitmen dalam menjalankan aktiviti kebajikan ini?

PZ : Semua macam dalam hadis itu. Apa yang dalam hadis itu memang makkik percaya dan yakin sangat. Macam hadis ini banyak yang suruh dan larang, jadi macam perkara yang berkenaan dengan contohnya, jika kita meninggal kita minta pada Allah nak balik ke dunia bukan nak solat atau beribadah tetapi mahu bersedekah. Bertapa besar perkara itu. Kita masih hidup ni buatlah.

WR : Apakah harapan puan untuk Dapur ramadan yang sedang dilakukan oleh puan ini?

PZ : Harapan makkik adalah untuk terus kekal dlam keadaan baik dan Allah pelihara walau dia tidak berkembang tetapi sentiasa dipelihara oleh Allah dalam keadaan baik.

WR : Akhir sekali, Apakah nasihat atau kata kata yang dapat diberikan kepada orang yang mahu mulakan aktiviti kebajikan seperti ini?

PZ : Baiklah, kalau nak mulakan kita harus letakkan niat yang betul. Jangan tengok rang ramai orang buat kebajikan kita nak ikut contohnya Ebit lew buat kebajikan besar besaran kita nak buat jugaklah sebab kalau kita mahu buat kita kena tahu mengapa kita nak buat kebajikan itu bukan sekadar ikut orang sahaja. Makcik buat kebajikan sebab makcik jumpa hadis sebab pada mas itu makcik mempunyai banyak masalah tetapi hadis itu cerita kalau kita selesaikan masalah orang Allah akan selesaikan masalah kita. Itu motivasi yang buat kita rasa macam nak gembira pergi gembirakan orang lain, nak murah rezeki banyakkkan bersedekah. Semua itu memotivasikan kita bukan kata-kata hikmah tetapi berdasarkan hadis.

WR : Setakat itu sahajalah soalan-soalan yang saya ada untuk makcik.

PZ : Baiklah.

WR : Terima kasih kerana luangkan masa untuk jawab semua soalan-soalan saya

PZ : okay baiklah wafa. Sama-sama.

WR : Asslamualaikum

PZ : waalaikumussalam

SESI KEDUA TAMAT

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Poster Puan Zarina Semasa Menerima Anugerah

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Wafa Razanah Binti Abdullah dan Intan Nabilla Binti Abdullah telah menemubual Puan Zarina Binti Nawawi, yang dilahirkan pada 1972, di Bukit Gading Tanah Merah, Kelantan. Temubual dijalankan melalui panggilan telefon mengenai pengalaman beliau mula-mula berkecimpung dalam aktiviti kebajikan dan telah mendapat anugerah tokoh NGI Cakna.

MASA	PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
Pengenalan		
0:00 – 1.10	Memperkenalkan diri	<ul style="list-style-type: none"> • Wafa Razanah memperkenalkan diri • Memamklumkan bahawa sesi temubual ini akan direkod
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH		
1.11 – 4.05	i. Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Zarina Muhammad Nawawi • Tinggal di kampung Bukit Gading Tanah Merah • 48 tahun • 8 orang adik beradik yang ke 7 • Dipanggil Na/Kak Na • Mempunyai 2 orang anak lelaki yang masing masing berumur 21 tahun dan 20 tahun

		<ul style="list-style-type: none"> • Anak beliau sedang mengikuti program pengajian
